

UCAPAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI MELAKA DALAM
PROSIDING RUJUKAN MEMPERINGATI PEGUAM-PEGUAM YANG TELAH
MENINGGAL DUNIA, PADA 13 SEPTEMBER 2013 DI MAHKAMAH TINGGI
MELAKA

Dengan izin Yang Arif,

Saya sangat berbesar hati dapat hadir dalam prosiding rujukan memperingati ahli-ahli Badan Peguam Melaka yang telah meninggal dunia yang diadakan pada hari ini di hadapan Yang Arif.

Saya amat bersetuju dengan ucapan rakan-rakan bijaksana saya sebentar tadi mengenai latar belakang dan sumbangan ahli-ahli Badan Peguam Melaka yang telah meninggal dunia kepada profesion guaman khasnya di negeri Melaka.

Prosiding rujukan memperingati ahli-ahli Badan Peguam Melaka yang nama-nama mereka telah disebutkan sebentar tadi oleh rakan-rakan bijaksana saya pada hari ini adalah begitu istimewa sekali dan tradisi ini haruslah diteruskan di masa hadapan.

Prosiding rujukan ini bertambah seri dan penuh bermakna dengan kehadiran ahli keluarga dan sahabat handai serta kenalan ahli-ahli Badan Peguam Melaka yang telah meninggal dunia.

Saya tidak berpeluang untuk mengenali secara peribadi kesemua mereka sepanjang kerjaya saya di Melaka sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri, namun begitu ia tidak menghalang saya untuk turut bersama-sama merakamkan penghargaan serta memperingati sumbangan mereka dalam bidang profesion guaman yang mulia ini.

Walaupun ahli-ahli Badan Peguam Melaka yang kita ingati hari ini telah pergi meninggalkan kita, namun begitu saya percaya bagi ahli keluarga dan sahabat handai serta kenalan mereka, kehilangan orang yang tersayang ini amat sukar dilupakan dan sudah tentunya masih dirasakan sehingga kini.

Semoga ahli keluarga dan sahabat handai serta kenalan mereka akan terus memperingati semua kenangan bersama dan seterusnya tabah dan cekal meneruskan kehidupan harian masing-masing.

DATUK MEOR HASHIMI BIN ABDUL HAMID

PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI MELAKA

13 SEPTEMBER 2013